

**PERBAHASAN DAN PERLAKSANAAN ZAKAT PENDAPATAN
PENGGAJIAN DI MALAYSIA**



**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM**

DISEDIAKAN OLEH

PROF MADYA DR.ARIFIN BIN MD.SALLEH

OGOS 2010

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Antaranya:

Pendaftar, UiTM Shah Alam

Ketua, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Pengarah Kampus UiTM Melaka

Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Shah Alam

Pengarah, Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM Shah Alam

Koordinator Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Melaka

Dan

Semua responden yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha membongkah maklumat yang berkaitan dengan perbahasan dan perlaksanaan zakat pendapatan penggajian di Malaysia sejak akhir tahun 1970an hingga sekarang. Motivasi menjalankan kajian ini adalah dalam usaha memahami kedudukan sebenar zakat penggajian dari aspek hukum dan pelaksanaanya. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah pelbagai sumber iaitu kajian perpustakaan, seminar, tinjauan dan menemu-bual mereka yang pakar dan berautoriti dalam bidang zakat. Seramai 32 orang responden terlibat dalam kajian terdiri daripada 8 Jabatan Mufti dan Majlis Ulama, 6 Majlis Agama/ Baitulmal, 8 Pusat Pungutan Zakat dan badan pengelola zakat dan 10 ahli akademik dan tokoh zakat.

Data yang diperolehi telah menjawab objektif kajian. Pertama, terdapat pertentangan yang hebat antara kelompok yang mendokong zakat ke atas pendapatan penggajian dengan kelompok yang menentang. Perbezaan pendapat dikalangan mereka bukan pada konsep pendapatan sebagai harta yang wajib dikeluarkan zakatnya, dengan syarat zakat yang menyeluruh. Perbezaan pendapat hanya berlaku apakah zakat hasil pendapatan hanya wajib zakatnya dengan syarat berlalu ke atasnya / nisabnya satu tahun Hijrah (haul). Telah dijelaskan bahawa pendapat yang rajih tidak mensyaratkan yang demikian itu. Kedua, kelompok yang mendokong mengambil hujah yang dikemukakan oleh al Qardhawi. Pada peringkat awalnya beliau mengemukakan alasan secara nas dalam konsep “al-mal al-mustafad” atau harta perolehan. Ketiga, Sheikh Muhammad Abu Zuhrah berpendapat bahawa gaji dan pendapatan profesional dikenakan zakat sekiranya cukup haul dan nisab. Beliau tidak menjadikan konsep “al-mal al-mustafad” sebagai asas kepada kewajipan zakat tersebut, sebaliknya menggunakan method “maslahah” sepertimana yang dilakukan oleh Sayyidina ‘Umar bin Al-Khattab radhiyallahu `anh. Al-Qardhawi akhirnya kembali kepada konsep “maslahah” seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Muhammad Abu Zuhrah.

Keempat, Penggunaan konsep maslahah atau kepentingan semasa masyarakat adalah sesuai dan tidak bertentangan dengan kaedah pembinaan hukum Islam yang diterima umum dalam Islam. Meskipun maslahah merupakan sumber subsidiari dalam perundangan Islam, namun ia boleh dipegang dalam keadaan seperti ini iaitu apabila tiada panduan yang jelas dari nas atau qiyas yang berdasarkan kepada nas.

Dari segi perlaksanaanya di Malaysia, pertama negeri Perak antara negeri yang belum memfatwakan wajib zakat ke atas pendapatan penggajian. Hujah yang dipegang oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak adalah wajib zakat apabila cukup nisab dan haul kerana haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaq oleh Jumhurul Ulama’ dalam mazhab yang empat. Kedua terdapat integrasi zakat dalam sistem percukaian negara dengan pemberian rebat cukai ke atas zakat pendapatan penggajian di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 mengikut seksyen 6A untuk mengelak beban cukai dua kali dikalangan umat Islam. Ketiga, dari segi pengalaman Majlis Agama, Baitulmal dan Pusat Zakat mendapati masyarakat umumnya menerima fatwa wajib zakat keatas pendapatan penggajian. Namun, masih ada kelompok yang tidak menerima kerana berpegang kepada

KANDUNGAN

	Halaman	
SURAT TAWARAN	ii	
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	vii	
TANDATANGAN PENYELIDIK	viii	
PENGHARGAAN	ix	
ABSTRAK	X	
KANDUNGAN	xii	
SENARAI JADUAL	xvi	
SENARAI SINGKATAN	xvii	
BAB SATU	PENDAHULUAN DAN MATLAMAT	
	KAJIAN	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Permasalahan Kajian	3
1.2	Persoalan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Organisasi Laporan	6

BAB DUA	ZAKAT PENDAPATAN PENGGAJIAN
	DARI SEGI HUKUM

BAB 1

PENDAHULUAN DAN MATLAMAT KAJIAN

1.0 PENDAHULUAN

Zakat secara umumnya bermaksud setiap orang Islam yang mempunyai harta yang diwajibkan zakat melebihi syarat yang ditentukan oleh syariat Islam, perlu mengeluarkan sebahagian kecil dari hartanya kepada mereka yang layak menerima zakat. Zakat mempunyai hubungan yang rapat dengan pembangunan ummah. Peranan zakat juga perlu dilihat sebagai sumber penting bagi mengurangkan jurang antara golongan yang kaya dan miskin. Zakat juga berkait rapat dengan konsep *tazkiyyah* iaitu pembersihan atau pemurnian. Secara mudah, dengan melaksanakan tuntutan zakat, seseorang individu telah melalui proses pemurnian diri dan harta mereka.

Persoalan zakat masih lagi menjadi topik utama di kalangan para pengkaji, pembayar, penerima, dan pengurus. Mengikut Mujaini (2005) perbahasan item zakat semakin berkembang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pengembangan item-item kenaan zakat. Zakat bukan hanya tertakluk kepada sumber-sumber yang sedia wujud di dalam kitab-kitab *fiqah*.